### 3.6 Kebenaran Khas Menyertai Tender Diluar Pengkhususan

Kebenaran khas yang dikeluarkan oleh CIDB secara surat kepada kontraktor untuk menyertai tender, dimana pengkhususan yang diperlukan oleh klien didalam iklan tender tidak terdapat pada Perakuan Pendaftaran Kontraktor yang dimiliki oleh syarikat

#### 3.6.1 Syarat permohonan

i. Syarikat perlu memiliki Perakuan Pendaftaran Kontraktor yang masih sah dan bebas daripada tindakan tatatertib.
ii. Tidak melibatkan pengkhususan di **Lampiran 6** .
iii. Pengkhususan yang dipohon hendaklah didalam kategori dan gred berdaftar.
iv. Salinan iklan tender / surat tawaran menyertai tender hendaklah dikemukakan semasa
v. Bermula 15 Oktober 2019, permohonan kod F01 & F02 tidak lagi dipertimbangkan melalui bukti kerja secara 'green lane'. Kebenaran khas tidak dibenarkan bagi pengkhususan F01 F02.
vi. Kod pengkhususan B29 bagi projek kerajaan tidak lagi dipertimbangkan melalui kebenaran khas.
vii. Bermula 15 November 2019, permohonan kod M03 tidak lagi dipertimbangkan melalui kebenaran khas.

#### 3.6.2 Yuran Proses

RM30.00

#### 3.6.3 Dokumen Sokongan

Surat jemputan tender/ iklan tender

#### 3.6.4 Carta Alir Permohonan Kebenaran Khas Menyertai Tender Diluar Pengkhususan

Carta alir permohonan Kebenaran Khas Menyertai Tender Diluar Pengkhususan adalah seperti dibawah.

*Carta alir permohonan Kebenaran Khas Menyertai Tender Diluar Pengkhususan*




### 3.6.5 Skrin Permohonan Kebenaran Khas Menyertai Tender Diluar Pengkhususan

Berikut adalah skrin permohonan Kebenaran Khas Menyertai Tender Diluar Pengkhususan didalam sistem CIMS.

1) Masukkan ID/nama pengguna dan kata laluan. Klik "Log Masuk"

2) Klik "Permohonan Kebenaran Khas Memasuki Tender"

3) Laman **"Maklumat Tender"** Masukkan maklumat tender. Pastikan tarikh tutup tender masih sah.

4) Masukkan maklumat gred,kategori dan pengkhususan yang diperlukan oleh tender. Pada bahagian gred, sistem hanya menerima gred yang sama dengan gred pendaftaran sediada sahaja. Sekiranya tender memerlukan gred yang berlainan, permohonan tidak akan dapat diteruskan.

5) Klik "simpan & teruskan" untuk ke paparan seterusnya.



6) Laman **"Muatnaik Dokumen" .** Klik " tambah baru" buat pilihan dokumen yang hendak dimuatnaik. Pastikan dokumen yang dimuatnaik adalah seperti maklumat yang diisytiharkan dibahagian maklumat tender. Percanggahan dokumen yan g dimuatnaik dan maklumat yang disytihar boleh menyebabkan permohonan gagal.

7) Klik "Pilih Fail" untuk memuatnaik dokumen

8) Klik "simpan & teruskan"




9) Laman **"Pengesahan Bayaran"**. Klik "cetak invois".

10) Profoma invois akan dipaparkan.

11) Klik pada salah satu kaedah cara bayaran. Yuran proses hendaklah dibayar dalam tempoh 7 hari dari tarikh permohonan dihantar. Sekiranya melebihi tempoh tersebut, permohonan akan batal secara automatik. Jika memilih utk membuat bayaran melalui kaunter CIDB, sila bawa bersama Profoma Invois untuk urusan pembayaran yuran proses.



12) Setelah bayaran berjaya dibuat " Butiran Transaksi" akan dipaparkan. Sila klik "Cetak Resit"

13) Resit rasmi bayaran akan dipaparkan.

14) Klik "sila kembali ke laman utama" untuk ke paparan akaun syarikat semula

.







15) Permohonan akan diproses dalam tempoh 2 hari bekerja. Klik"lihat rekod permohonan" untuk semak status permohonan.

16) Sejarah permohonan akan dipaparkan. Semak status permohonan.





Application History

| Application For | Application Date | Application No. | Application Status | Remarks |
|---|---|---|---|---|
| Update Company | 26/12/2017 11:49:43 | P060320171226061697 | In-Progress | |
| Special Tender Bid | 26/12/2017 10:50:44 | P110320171226061695 | Approved | |
| Renew SPKK Registration | 26/12/2017 10:41:58 | P260320171226061694 | Approved | |
| Special Tender Bid | 27/09/2017 18:20:07 | P110320170927045409 | Approved | |
| Special Tender Bid | 19/09/2017 08:55:24 | P110320170919040102 | Approved | |
| Special Tender Bid | 19/09/2017 08:35:59 | P110320170919040094 | Approved | |
| Special Tender Bid | 19/09/2017 08:30:51 | P110320170919040091 | Approved | |

17) Klik “lihat surat & sijil”

18) Klik pada ikon “surat” untuk mencetak surat kelulusan.

19) Surat keputusan Kebenaran Khas Memasuki Tender Di Luar Pengkhususan akan dipaparkan.






| PDF For | Approval Status | Type | Date |
|---|---|---|---|
| Special Tender Bid | Approved | Letter | 2/2017 11:06:17 |
| Special Tender Bid | Approved | Letter | 28/09/2017 16:29:58 |





CIDB MALAYSIA

Nombor Permohonan: P110320171226061095
Tarikh: 26/12/2017

SENTOSA IDAMAN ENTERPRISE
TBP 1159, JALAN SENTOSA SUNGAI BAKAP
14200
PULAU PINANG

Tuan,

KEBENARAN KHAS MENYERTAI TENDER DILUAR PENGKHUSUSAN BERDAFTAR
No. Pendaftaran: 0120080924-PP120178

Dengan hormatnya merujuk kepada nombor permohonan dan perkara di atas.
2. Berdasarkan kepada maklumat dan fakta yang dikemukakan, pihak Lembaga bersetuju memberi kebenaran khas bagi membolehkan tuan menyertai tender di luar pengkhususan yang didaftarkan bagi projek:

| | |
|---|---|
| No. Tender: | 0987654 |
| Tajuk Tender: | Perumahan Kos Rendah Cheras |
| Keperluan Pengkhususan Tender: | B07 |

Sekiranya pihak tuan dianugerahkan projek tersebut, tuan diwajibkan membuat pengisytiharan projek kepada pihak Lembaga. Tuan boleh membuat permohonan tambah pengkhususan setelah pengisytiharan projek.

Sekian, terima kasih



20) Terdapat QR Code pada Surat Kebenaran Khas Memasuki Tender Di Luar Pengkhususan. Sila gunakan QR Code Reader untuk mengimbas maklumat yang terdapat pada QR Code tersebut.

20

